

GESAAN DR MAHATHIR KEPADA GURU

# Berjuang isi kemerdekaan

Tapak semaian

"Jika pendidik itu baik, maka baiklah masyarakat dan negara," katanya.

Perdana Menteri berkata, golongan pendidik bertanggungjawab terhadap usaha memupuk perpaduan kebangsaan dan menanamkan semangat cintakan tanahair di kalangan rakyat.

Menurutnya, sistem pendidikan adalah tapak semaian bagi membentuk sikap yang sihat serta positif di kalangan pelajar dan membantu usaha membangunkan satu masyarakat berbilang kaum yang bersatupadu.

Selain itu, guru juga perlu mengikut arus perkembangan masyarakat serta tentas berusaha memberi sumbangan kepada kesejahteraan negara.

Mengenai penyalahgunaan dadah, Perdana Menteri mahu guru bergiat cergas memastikan pelajar tidak terjerumus ke dalam kegiatan itu.

Beliau mencadangkan guru bergiat cergas dalam Program Pendidikan dan Khidmat Nasihat. Pembaitan mereka akan menjamin program itu berjai dan teratur.

"Pelajar mesti ditunjukkan cara untuk mengelakkan pembasiran masa dan tenaga dengan mengelakkan mereka menyertai kegiatan yang berfaedah. Dengan cara ini mereka dapat menggunakan masa dengan bijaksana," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mahu kalangan guru mendidik generasi muda supaya berjimat cermat bukan sahaja wang tetapi harta benda sendiri atau milik kerajaan. Hanya dengan cara ini mereka dapat menikmati kebahagiaan yang lebih sempurna.

Di samping itu, beliau berharap rakyat dapat menguasai banyak bahasa dunia bagi kepentingan ilmu pengetahuan supaya bangsa Malaysia tidak mundur atau ketinggalan zaman.

**KUALA LUMPUR, Sabtu.**

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad meminta golongan guru memberi sumbangan gigih membangunkan masyarakat dan negara selaras dengan perjuangan mengisi kemerdekaan.

Perdana Menteri berkata, sebagai pendidik zaman moden, mereka perlu mempunyai sikap sanggup berkorban dan bertanggungjawab melaksanakan tugas dengan sempurna dan berkesan.

Katanya, adalah menjadt tanggungjawab guru memberi sumbangan yang cergas dan gigih dalam membangunkan masyarakat dan negara.

Berucap merasmikan Perayaan Jubli Perak Kesatuan Guru-guru Lepas Maktab Semenanjung Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dalam masyarakat dan negara yang aedang membangun, tugas guru adalah lebih luas, berat dan mencabar.

Guru perlu melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran secukupnya bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sama ada disukai atau tidak guru menjadi contoh kepada murid. Gerak-geri mereka sama ada di dalam dan luar bilik darjah, sentiasa menjadi tumpuan.

"Nilai hidup dan sifat yang menjadi sebahagian daripada peribadi murid adalah hasil daripada contoh guru mereka," jelasnya.

Beliau berkata, personaliti guru mempengaruhi pelajar yang bakal menjadi anggota masyarakat.